



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 1 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	A WELCOME AID FOR FISHERMAN, NATION, THE STAR, M/S – 7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2.	HARAP BERI SEMULA INSENTIF TUNAI RM600, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	HARAP KERAJAAN LULUS PERUNTUKAN RM48 JUTA, KEMBALIKAN INSENTIF RM600 PESAWAH, NEGARA, KOSMO, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2025	THE STAR	NATION	7

A welcome aid for fishermen

KUALA LUMPUR: The Budi95 initiative, which sets RON95 petrol price at 1.99 per litre with a 300-litre monthly eligibility limit, will ease the rising cost of living and provide relief to fishermen.

National Fishermen's Association of Malaysia (Nekmat) chairman Abdul Hamid Bahari described Budi95 as a proactive step by the government in ensuring the welfare and livelihood of about 85,000 of its members nationwide.

"Nekmat is confident this effort will boost the spirit and motivation of fishermen to increase their catch, thus contributing to the government's efforts to strengthen the country's food security for the welfare of the people," it said in a statement yesterday, Bernama reported.

Budi95 was rolled out in phases, starting with 300,000 military and police personnel on Saturday, before reaching over five million Sumbangan Tunai Rahmah recipients on Sunday.

A total of 16 million Malaysians started receiving benefits under the initiative yesterday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	2



PESAWAH harap peruntukan selenggara sistem pengairan dan infrastruktur berjumlah RM48 juta diluluskan.

Harap beri semula insentif tunai RM600

Alor Setar: Golongan pesawah di negeri ini berharap peruntukan penyelenggaraan sistem pengairan dan infrastruktur berjumlah RM48 juta diluluskan selain insentif tunai RM600 dikembalikan dalam Belanjawan 2026 akan datang.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Datuk Dr Ismail Salleh berkata, kerja penyelenggaraan tali air perlu dilakukan sekurang-kurangnya empat kali setahun membabitkan 44 blok lama serta blok baharu yang sedang dibangunkan.

Katanya, insentif tunai RM600 pula perlu dikembalikan kerana membantu pesawah dalam meringankan beban kewangan.

“Kerja penyelenggaraan ini sangat penting bukan sahaja ketika musim hujan, tetapi juga untuk memastikan bekalan air bagi aktiviti penanaman padi

sentiasa mencukupi.

“Insentif RM600 itu juga penting bagi meringankan beban pesawah, cuma bajet untuk ini daripada Kementerian Kewangan bukan MADA.

“Namun MADA berusaha untuk menjadikan insentif ini tetap dan kita tidak perlu memohon setiap tahun. Jika nelayan dan pengusaha lain menerima insentif tetap, pesawah yang menjadi tonggak keterjaminan makanan negara juga wajar diberikan keutamaan,” katanya selepas Majlis Peluncuran Jentera Pusat Latihan Beras MADA (MRTC) di Kompleks Latihan MADA, Kota Sarang Semut, di sini, semalam.

Katanya, peruntukan RM48 juta itu diperlukan untuk menguruskan infrastruktur termasuk kerja pembersihan tali air serta sistem pengairan di seluruh blok tanaman padi di bawah MADA.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2025	KOSMO	NEGARA	6

Harap kerajaan lulus peruntukan RM48 juta, kembalikan insentif RM600 pesawah

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berharap kerajaan meluluskan peruntukan penyelenggaraan sistem pengairan dan infrastruktur serta insentif RM600 kepada pesawah dalam Belanjawan 2026 bulan depan.

Pengerusinya, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, penyelenggaraan tali air dan sistem pengairan perlu dilakukan sekurang-kurangnya empat kali setahun membabitkan 44 blok lama dan blok baharu yang sedang dibangunkan agensi itu.

Katanya, sementara insentif tunai RM600 yang tercicir dalam belanjawan tahun ini perlu dikembalikan kepada pesawah dalam usaha meringankan beban mereka.

"Kerja penyelenggaraan ini sangat penting bukan sahaja ketika musim hujan, tetapi juga bagi memastikan bekalan air bagi aktiviti penanaman padi sentiasa mencukupi.

"Insentif RM600 itu juga penting bagi meringankan beban pesawah cuma bajet untuk ini daripada Kementerian Kewangan bukan MADA. Namun MADA berusaha untuk menjadikan insentif ini tetap dan kita tidak perlu memohon lagi setiap tahun.

"Jika nelayan dan pengusaha lain menerima insentif tetap, pesawah yang menjadi tonggak keterjaminan makanan negara juga wajar diberikan keutamaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas hadir di Majlis Peluncuran Jentera Pusat Latihan Beras MADA



(MRTC) di Kompleks Latihan Mada, Kota Sarang Semut di sini semalam.

Menurut beliau, MADA memohon peruntukan sebanyak RM48 juta untuk menguruskan infrastruktur termasuk kerja pembersihan tali air, pengurusan sistem pengairan di semua blok tanaman padi di bawah kendaliannya.

Dalam perkembangan lain kata Ismail, MADA kini dalam mod siap siaga untuk menghadapi fenomena peralihan monsun yang dijangka berlaku susulan La Nina bagi mengurangkan kesan kepada tanaman padi pesawahnya.

"MADA akan memastikan kesemua infrastruktur utama termasuk struktur kawalan dan ban saluran utama diselenggara bagi memastikan kesempurnaan fungsi diberi keutamaan serta meminimumkan risiko kerosakan dan mengoptimumkan operasi kawalan bencana.

"Sehingga kini proses menuai padi bagi musim ini sudah mencapai 50 peratus dan dijangka selesai hujung Oktober ini. Kita fokus untuk melindungi tanaman, harta benda dan kesejahteraan pesawah daripada sebarang risiko kerosakan sekiranya berlaku banjir ini," katanya.